



INSTITUT LATIHAN SEKTOR AWAM NEGERI (INSAN)

JABATAN KETUA MENTERI
TINGKAT 7, BLOK B, WISMA MUIS
BEG BERKUNCI 97
88999 KOTA KINABALU, SABAH

No. Tel.: 088-315192/315190/315176/315201/315188
No. Faks: 088-268742

RUJUKAN : INSAN : 100-44/03/022 KLT.02/(85)
TARIKH : 5 Mei 2011

Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri
Semua Pengarah Jabatan Negeri
Semua Pengurus Besar Badan-Badan Berkanun Negeri
Semua Kuasa-Kuasa Tempatan
Semua Pejabat Daerah

Yang Berbahagia Datuk/Datin/Tuan/Puan,

PROGRAM BENGKEL PENGURUSAN DAN PENGENDALIAN FAIL & REKOD KERAJAAN NEGERI – GRED N17 HINGGA N22

Dengan hormatnya, saya ingin menarik perhatian Yang Berbahagia Datuk/Datin/Tuan/Puan terhadap perkara di atas dan dengan ini sukacita saya maklumkan bahawa Pusat Penyelidikan dan Pembangunan, Institut Latihan Sektor Awam Negeri (INSAN) akan menganjurkan program tersebut mengikut tarikh-tarikh seperti di bawah untuk sepanjang tahun 2011.

TARIKH	TEMPAT	TARIKH TUTUP PERMOHONAN
05 hingga 07 September 2011	Ibu Pejabat INSAN, Wisma MUIS, Kota Kinabalu	12 Ogos 2011
14 hingga 16 November 2011	Ibu Pejabat INSAN, Wisma MUIS, Kota Kinabalu	27 Oktober 2011

2. Program ini adalah berbentuk bengkel di mana pendekatan pembelajaran adalah perbincangan intensif di kalangan para peserta. Dalam hal ini, jumlah peserta pada setiap sesi adalah dihadkan kepada 20 hingga 25 orang sahaja.

3. Sila maklum bahawa mereka yang tidak ditawarkan tempat pada tahun 2010 bolehlah memohon semula untuk tahun ini. Bersama ini disertakan Sinopsis Program untuk penerangan lebih jelas.

..2/-

RUJUKAN : INSAN : 100-44/03/022 KLT.02/(85)
TARIKH : 5 Mei 2011

4. Oleh itu, amatlah dihargai jika Yang Berbahagia Datuk/Datin/Tuan/Puan mengesyorkan mana-mana kakitangan di bawah jagaan Yang Berbahagia Datuk/Datin/Tuan/Puan yang layak untuk mengikuti program ini. Sila muat-turun/cetak borang permohonan dari laman web INSAN. Sila juga beri perhatian tentang tarikh tutup permohonan seperti yang dinyatakan di atas.

Atas kerjasama pihak Yang Berbahagia Datuk/Datin/Tuan/Puan saya ucapkan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH”



(RALIH @ ROSLEE B. KARTO)

b.p. Pengarah

Institut Latihan Sektor Awam Negeri (INSAN)